

**NO SOALAN :36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.03.2015**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan lima (5) aktiviti utama yang dianggap oleh Kerajaan sebagai aktiviti sabotaj ekonomi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sabotaj ekonomi adalah satu tindakan melemahkan ekonomi sesebuah negara yang digunakan sebagai taktik untuk mendesak dan menghakis kedudukan sesuatu Kerajaan. Antara aktiviti atau amalan yang dijalankan adalah cubaan spekulasi mata wang, menyorok keperluan asas untuk menaikkan harga, menyeludup

minyak dan barang subsidi keluar negara.

2. Selain itu, tindakan mewar-warkan kepada rakyat dan pelabur asing dengan angka atau analisis yang kurang tepat dan tidak konsisten serta memutar belit fakta turut dilakukan kerana ini memberi gambaran tidak baik yang akan menjaskan sentimen pelaburan dan keyakinan orang ramai.
3. Namun demikian, ekonomi negara tidak tergugat dengan aktiviti sabotaj ekonomi sebegini kerana kekuatan ekonomi negara disokong dengan asas makroekonomi yang teguh dengan tabungan dan rizab yang kukuh, kadar inflasi yang terkawal dan kadar pengangguran yang rendah serta sistem kewangan yang teguh untuk menyokong aktiviti ekonomi. Tambahan pula, pihak penguat kuasa undang-undang dan pelbagai pengawal selia, dengan izin, *regulator* termasuk agensi Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sentiasa peka dan memantau tindakan golongan yang mensabotaj ekonomi negara.